

Utusan Malaysia

14 February 2015

## Wujud jurang besar kesedaran insurans hayat

KUALA LUMPUR 13 Feb - Kajian Jurang Perlindungan yang dijalankan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) pada 2013 mendapati masih ada jurang yang besar bagi perlindungan hayat untuk keluarga sekitar RM100,000 hingga RM150,000.

Presiden LIAM, Vincent Kwo berkata, kajian itu secara tidak langsung menunjukkan jumlah purata diinsuranskan ialah RM38,449, masih jauh di bawah jumlah yang diperlukan untuk menyokong ahli keluarga sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya mencari nafkah.

Beliau memberitahu, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi merapatkan jurang perlindungan insurans hayat di negara ini memandangkan kadar penembusan semasa sebanyak 54 peratus adalah rendah jika dibandingkan dengan matlamat kerajaan untuk mencapai penembusan insurans sebanyak 75 peratus menjelang 2020.

"Malah, terdapat juga keperluan untuk membangunkan produk insurans yang bersesuaian bagi memenuhi pelbagai taraf hidup pelanggan dan memperkenalkan saluran penghantaran baharu untuk menjangkau baki 50 peratus

yang mana peratusan yang tinggi daripada penduduk boleh bertumpu di kawasan luar bandar.

"Pada masa sama, syarikat insurans juga boleh memanfaatkan pelanggan sedia ada untuk meningkatkan inisiatif jualan silang. Ini kerana walaupun mereka mempunyai perlindungan insurans tetapi dalam banyak kes, ia tidak mencukupi," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Industri perlindungan insurans merekodkan pertumbuhan 6.9 peratus kepada RM1.17 trillion bagi 2014 berbanding RM1.09 trillion pada tahun sebelumnya.

Utusan Malaysia

28 February 2015

## Perlindungan insurans hayat bernilai RM1.17 trillion

KUALA LUMPUR 27 Feb - Industri insurans hayat mencatatkan pertumbuhan 6.9 peratus dalam perlindungan insurans yang bernilai RM1.17 trillion pada 2014 berbanding RM1.09 trillion tahun sebelumnya.

Presiden Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Vincent Kwo berkata, jumlah diinsurans per kapita pada 2014 juga mencatatkan kenaikan kepada RM38,449 dari pada RM36,387 pada 2013.

Katanya, prestasi kukuh industri insurans hayat itu mencerminkan



VINCENT KWО

kan peningkatan kesedaran dalam kalangan rakyat tentang kepentingan perlindungan insurans.

"Secara keseluruhan, industri insurans hayat menyediakan perlindungan insurans kepada 12.4 juta nyawa pada 2014, naik 148,574 berbanding tahun 2013," kata dia dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut beliau, kadar penembusan 54 peratus ketika ini dianggap rendah dan terdapat lebih banyak peluang bagi syarikat insurans di kawasan bandar, pinggir bandar

dan luar bandar.

Tambahnya, pemain industri terlibat perlu menggandakan usaha seiring dengan sasaran kerajaan supaya 75 peratus daripada penduduk Malaysia mempunyai insurans menjelang 2020.

"Terdapat keperluan bagi syarikat insurans untuk menghasilkan produk bersesuaian bagi memenuhi keperluan peringkat hidup pelanggan yang berbeza.

"Asas kukuh ekonomi Malaysia dijangka terus merangsang pertumbuhan industri insurans hayat dan tahun 2015 dijangka terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh," katanya.